



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 2 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	AJAR ANAK MUDA SERTAI SEKTOR PERTANIAN, KELANTAN, HAKAKAH -H11 KELANTAN TUMPU PROJEK TANI BERSKALA BESAR, KELANTAN, HAKAKAH -H12 BANTUAN TAMBAHAN RM2.8 JUTA KEPADA PESAWAH TERKESAN BANJIR DI YAN, KUALA MUDA, -ONLINE RICE FIELDS DAMAGED BY FLOOD, BERITA NASIONAL -TV1	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7.	LAPOR SEGERA MAKLUMAT KE JPV PERAK, LOKAL, HM -3 TERNAK AYAM DIGESA SELESAI SEGERA PEMBERSIHAN, NASIONAL, BH -19 LADANG TERNAKAN AYAM DIDENDA RM210,930, NEGERI SEMBILAN/KELANTAN SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8.	MAQIS GAGALKAN CUBAAN SELUDUP 1,918 BURUNG MURAI KAMPUNG, NASIONAL, BH -23	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22.	LOKAL, HM -12 RESTORAN MEWAH JADI KEBUN SAYUR JANA PENDAPATAN, NEGARA, KOSMO -16 DO YOU KNOW, VIEWS, THE STAR -12 PATIN TUA TAK LAKU, LOKAL, HM -24 50,000 IKAN PATIN TIADA PEMBELI, NASIONAL, BH -15 KULIM MAHU TERAJUI AGRIBISNES, EKONOMI, UM -36 PERTANIAN BERSKALA BESAR MANFAATKAN MASYARAKAT, MINDA PEMBACA, BH -13 BEKAS JURUTERA KINI JADI USAHAWAN, NEGARA, KOSMO -14 DAHULU JURUTERA, KINI USAHA KEBUN NANAS, DALAM NEGERI, UM -31 LAMBAKAN CEMPEDAK DI TELUK INTAN, DALAM NEGERI, UM -31 KOLEJ KEDIAMAN JADI LOKASI TERNAK TALAPIA, GAYA KAMPUS, UM -26 MESIN PADI 'MOHON' GUNA JALAN RAYA, DALAM NEGERI, UM -29 PINJAM DUIT IBU BUKA BISNES AVOCADO, DALAM NEGERI, UM -30 100,000 PAPAN PETAI VIRAL HABIS DIJUAL DALAM SEHARI, DALAM NEGERI, UM -30	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Ajak anak muda sertai sektor pertanian

Oleh **ZULKEFLI HUSSIN**

PASIR - PUTEH: Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II akan berusaha menarik golongan muda terutama lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) menceburi bidang pertanian moden.

Dato' Dr Nik Mohamad Zawawi Salleh berkata, sekiranya mempunyai misi yang jelas mereka berpotensi menjadi jutawan.

Katanya, sudah sampai masanya lepasan IPT mengubah minda belajar tinggi semata-mata untuk bekerja dengan kerajaan.

"Ilmu dan kepakaran yang ada di dada mereka boleh dimanfaatkan untuk membangunkan sektor pertanian," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Pusat Khidmat Parlimen Pa-



Dr Nik Zawawi Salleh ketika ditemubual wartawan di Pasir Puteh.

sir Puteh di sini Ahad lepas.

Dr Nik Zawawi yang juga ahli Parlimen Pasir Puteh berkata, mereka perlu mencontohi rakyat di negara maju seperti di Amerika hidup kaya raya dengan bekerja sebagai peladang.

Kata beliau rakyat negara maju mengusahakan bidang pertanian secara komersial dan moden.

Beliau berkata, banyak peluang yang boleh diterokai termasuk mengusahakan tanah tanah terbiar yang banyak di

Kelantan, Terengganu dan Pahang untuk ditanam pelbagai jenis tanaman jangka pendek.

"Di Kelantan banyak tanah beris di kawasan pantai boleh diusahakan dengan pelbagai tanaman yang sesuai seperti ubi keledek dan jagung.

"Manakala di kawasan Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang pula sesuai dengan nanas dan sayur-sayuran. Mereka perlu menggunakan peralatan moden untuk menghasilkan pendapatan lumayan," katanya.

Kelantan tumpu projek tani berskala besar

Oleh ZULKEFLI HUSSIN

PASIR PUTEH: Kelantan memberi tumpuan melaksanakan projek-projek berasaskan pertanian berskala besar dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, tumpuan juga diberi bagi memajukan agro pelancungan.

Katanya antara yang ber-

potensi termasuk Jeram Mengaji di Selising, Danau Tok Uban Pasir Mas dan Loring di Gua Musang.

"Usaha itu akan akan diadakan dengan gandingan erat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Dr Nik Mohamad Zawawi Salleh," katanya selepas melancarkan kempen Semarak Jalur Gemilang peringkat Dun Selising di sini, Ahad lepas.


Tuan Mohd Saripudin yang juga Adun Selising berkata, kerajaan neg-

eri meluluskan peruntukan lebih RM1.3 juta untuk melancarkan usahawan tani muda tahun ini.

Menurutnya seramai 50 peserta dipilih sebagai projek permulaan sebelum dikembangkan secara lebih meluas.

Kata beliau projek itu membabitkan 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) di Kelantan.

"Kerajaan negeri akan membantu mereka dengan menyalurkan peruntukan lebih RM20,000 kepada setiap peserta yang ter-



Pelancaran kempen kibar Jalur Gemilang di Dun Selising.

pilih untuk mengusahakan tanaman jangka pendek menerusi sistem ferugasi. "Mereka dilatih dengan menggunakan kaedah pertanian moden dan mengadakan ladang kontrak dengan Lembaga Pemasa-

ran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi menjamin pemasaran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2021	BERITA NASIONAL	TV1	

RICE FIELDS DAMAGED BY FLOODS



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	3

Lapor segera maklumat ke JPV Perak

Manjung: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak menyarankan orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan masalah lalat termasuk sisa tinja dan buangan lain tanpa rawatan disalurkan terus kepada jabatan itu untuk siasatan lanjut.

Pengarahnya, Dr Ahmad Shafri Hassan berkata, pihaknya sudah me-

ngambil tindakan terhadap aduan diterima berkaitan masalah 'kacau' ganggu lalat di sekitar Manjung.

Menurutnya, setakat ini pihaknya tidak menerima aduan terbaru berkaitan dakwaan pembuangan sisa buangan tanpa rawatan di Manjung.

"Disyorkan supaya pengadu membuat laporan rasmi kepada Pejabat

Perkhidmatan Veterinar Daerah Manjung (PVDM) untuk semakan dan tindakan susulan.

"Butiran lanjut penting untuk PVDM menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya. Yang mana ada aduan dan butiran aduan (lengkap) kepada pihak JPJ sudah diambil tindakan," katanya.

Beliau berkata, pengolahan sisa tinja atau buangan lain perlu dilakukan dengan berkesan termasuk melalui proses rawatan bagi mengelakkan masalah gangguan lalat.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Jas) Perak, Rosli Zul berkata, berdasarkan rekod aduan Jas tiada aduan berkaitan kes dirujuk.

Pencemaran Sungai Air Salak

Penternak ayam digesa selesai segera pembersihan

Tampin: Pengusaha ternakan ayam di Kampung Bukit Rokan, Gemencheh digesa segera menyelesaikan pembersihan dan membayar denda berjumlah RM210,980 kerana menyebabkan pencemaran di Sungai Air Salak di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Kepenggunaan dan Alam Sekitar negeri S Veerapan, berkata pengusaha ladang itu diarah menghentikan operasi pada Ahad lalu.

"Pihak pengurusan ladang masih belum selesai denda dan pengusaha ladang ini diminta memastikan segala piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Veterinar dan juga Badan Kawal Selia Air dipatuhi.

"Notis dikeluarkan kepada pengusaha ladang perlu memastikan air dilepaskan ke sungai da-

lam keadaan bersih dan memenuhi standard yang ditetapkan. Sekiranya masih gagal, tindakan undang-undang akan diambil," menurutnya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata berdasarkan pemantauan, sebanyak 61 reban ayam dan air kumbahan yang diuruskan di ladang itu tidak mengikut prosedur operasi standard ditetapkan serta saiz kolam rawatan air tidak mengikut piawaian ditetapkan.

Media sebelum ini melaporkan ladang ternakan ayam itu diarah menghentikan operasi buat sementara waktu pada Ahad lalu, ekoran pencemaran di Sungai Air Salak.

Pengusaha terbabit diminta membersihkan serta menyelenggara sistem kumbahan ladang dalam tempoh seminggu. **BERNAMA**



S Veerapan melihat lokasi pencemaran sungai berpunca daripada ladang ternakan ayam di Kampung Bukit Rokan, Gemencheh.

Ladang ternakan ayam didenda RM210,930

Dikesan menjadi punca kepada pencemaran di Sungai Air Salak

TAMPIN

Pengusaha ladang ternakan ayam di Kampung Bukit Rokan, Gemencheh di-geza agar segera menyelesaikan kerja pembersihan dan membayar denda berjumlah RM210,930 selepas didapati menyebabkan pencemaran di Sungai Air Salak di sini.

Exco Kesihatan, Kepenggunaan dan Alam Sekitar Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, pengusaha ladang itu telah diarah menghentikan operasi pada Ahad lepas.

“Sehingga kini, pihak pengurusan ladang masih belum selesai-

SUNGAI AIR SALAK TERCEMAR

kan denda dan pengusaha ladang ini diminta memastikan segala piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Sembilan dan juga Badan Kawal Selia Air (BKSA) dipatuhi.

“Notis telah dikeluarkan kepada pengusaha ladang bahawa perlu memastikan air dilepaskan ke sungai dalam keadaan bersih dan mematuhi standard yang ditetapkan, sekiranya masih gagal, tindakan undang-undang akan diambil,” menurutnya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, berdasarkan pe-



VEERAPAN

mantauan, sebanyak 61 reban ayam dan air kumbahan yang diuruskan di ladang itu tidak mengikut prosedur operasi standard ditetapkan serta saiz kolam rawatan air tidak mengikut piawaian ditetapkan.

Media sebelum ini melaporkan ladang ternakan ayam itu diarah menghentikan operasi buat sementara waktu pada 29 Ogos lepas ekoran pencemaran di Sungai Air Salak dan pengusaha terbabit diminta membersih serta menyelenggara sistem kumbahan ladang tersebut dalam tempoh seminggu. - *Berikoma*

MAQIS gagalkan cubaan seludup 1,918 burung murai kampung

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berkata 1,918 burung murai kampung yang disyaki cuba diseludup keluar ke negara jiran di Pantai Alai, Melaka pada 26 Ogos lalu.

Semua burung berkenaan dianggarkan bernilai lebih RM76,000, diisi dalam 55 sangkar ditemui Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di pantai itu, jam 9.30 pagi.

Pengarah MAQIS Melaka, Nova Dinah Abdul Rahman, berkata pihaknya menerima serahan kes itu daripada Maritim Malaysia di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kota Linggi membabitkan pengeluaran per-tanian tanpa permit MAQIS.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati 55 sangkar yang mengandungi 1,918 burung dianggarkan bernilai RM76,720 disyaki ingin dibawa ke Indonesia tanpa Permit Eksport daripada MAQIS.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana adalah menjadi suatu kesalahan mengeksport keluaran pertanian iaitu burung murai kampung tanpa permit eksport yang sah daripada MAQIS," katanya dalam kenyataan, semalam.

Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.



55 sangkar berisi burung murai kampung bernilai lebih RM76,000 dirampas di Pantai Alai, Melaka cuba diseludup ke Indonesia 26 Ogos lalu. (Foto ihsan MAQIS)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	12



NELAYAN Mohd Fadzi Hassan, 55, bersemangat menggayakan topi terendak ketika menyertai acara perarakan dengan bot nelayan di Jeti Kuala Kangkong, Alor Setar, Kedah sempena meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Negara ke-64, kelmarin. Seramai 40 orang nelayan menggayakan pelbagai jenis pakaian seperti baju Melayu, pakaian nelayan dan pakalan tradisional untuk memeriahkan suasana sambutan. Meskipun negara masih bergelut dengan penularan Covid-19, suasana bulan kebangsaan tetap meriah dengan pelbagai pihak menzahirkan kecintaan terhadap negara dengan mengibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos.

Restoran mewah jadi kebun sayur jana pendapatan

KUALA NERUS – Hikmah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), seorang pengusaha restoran mewah di Pulau Redang di sini, menukar landskap premis perniagaan menjadi kebun sayur.

Kawasan Restoran Redang Moon-Vitamin Sea Kitchen milik Marzuki Abdullah, 45, seluas 0.25 hektar yang terletak di lokasi berteluk di Pantai Pasir Panjang, Pulau Redang kini dipenuhi dengan ratusan pokok sayur-sayuran yang ditanam di dalam beg poli.

Beliau berkata, tanaman seperti cili merah, cili api, terung, bendi, kangkung, lengkuas, kacang panjang dan kacang buncis kini menjadi sumber pendapatan tambahan sewaktu restoran masih ditutup.

"Saya mengusahakan restoran makanan tradisional dan kampung Terengganu seperti singgang 'ikan aye' yang disajikan secara mewah untuk pengunjung dalam kalangan pelancong asing



MARZUKI melihat pokok cili api yang ditanamnya di Restoran Redang Moon-Vitamin Sea Kitchen di Pulau Redang baru-baru ini.

khususnya Eropah.

"Pandemik Covid-19 membuat saya hampir 'terduduk' apabila operasi restoran terpaksa

ditutup. Saya kemudiannya mula menanam cili api asalnya bagi mengubat jiwa, mengisi masa terluang dan kegunaan sendiri."

Marzuki berkata, oleh kerana

faktor status dan struktur tanah di persekitaran restoran, dia menanam menggunakan beg poli.

Tambahnya, beliau juga mendapatkan nasihat daripada pegawai Jabatan Pertanian Terengganu tentang ilmu pertanian.

"Lama-lama jadi seronok, tahu-tahu kawasan restoran saya penuh dengan tanaman sehingga memerlukan dua jam sehari untuk habis menyiramnya. Saya juga mula membela ikan keli di dalam kolam.

"Hasilnya mendapat permintaan membergangkan daripada pengusaha resort dan penduduk kampung kerana harga lebih menjimatkan tanpa perlu memikirkan kos pengangkutan menaiki bot ke tanah besar (Setiu)," katanya.

Marzuki berkata, pendapatan yang diperolehi daripada jualan sayur-sayuran itu sedikit sebanyak dapat menampung kehidupan sekeluarganya sewaktu pandemik Covid-19 ini.

DO YOU KNOW ...

about Penang durian?

In Penang, durian orchards are mainly concentrated in Balik Pulau in an area spanning 2,538ha.

- This year, some eight tonnes of the popular varieties of durians were harvested. These included Ang Hae (red prawn), Hor Lo (gourd), Musang King and Or Chi (black thorn).
- Durian season in Balik Pulau usually begins in late May and ends either in July or August, depending on the weather.

There is now a growing demand for kampung durians or fruits from the trees that were grown from seeds in the 1950s in Balik Pulau.

■ Durian connoisseurs believe the Penang durians are of better quality due to the hot weather and steady sea breeze in the areas where they are grown.

■ According to the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), the export value of the King of Fruits is expected to reach RM100mil this year.

■ Due to high demand in some parts of the world, Malaysia is targeting the export of 35,000 tonnes of durians to Singapore, Hong Kong, China, the United States and Australia.

■ Last year, Malaysia exported about 30,000 tonnes of durians valued at RM92.3mil.

■ Singapore is the biggest buyer of Malaysia's durians, taking in 54% of the exports, followed by mainland China (26.7%), Hong Kong (13.5%), the United States (2.4%), Australia (1.8%) and other markets (1.6%).

■ Durians from the old trees are being touted for their unique taste and character, especially the strong alcoholic bitterness.



Balik
Pulau



The Star graphics

Oleh Roselan Ab Malek
am@hmetro.com.my

Lipis

“Puluhan ribu patin yang kami ternak dalam sangkar sudah tua, mungkin terus ‘berkubur’ dalam sungai kerana sukar dipasarkan,” kata Khairul Anuar Ahmad Mahir.

Khairul Anuar, 32, yang juga pengusaha ternakan ikan sangkar di Sungai Jelai di Kampung Ganding di sini, berkata pihaknya kerugian besar selepas patin itu gagal untuk dipasarkan sejak awal tahun ini.

“Patin yang ada seberat lebih dua kilogram (kg) sedangkan pasaran hanya mahukan patin yang seberat satu hingga 1.5kg saja.

“Ya menambah kesukaran untuk kami pasarkannya,” katanya.

Menurut Khairul Anuar yang mengusahakan perniagaan itu bersama saudaranya, Mohhtar Mohamad, 55, sepatutnya, kira-kira 50,000 patin memasuki pasaran pada Mei lalu namun sebaliknya yang berlaku apabila perintah kawalan pergerakan (PKP) dikuatkuasakan mulai 10 Mei lalu.

Katanya, bukan setakat tidak pulang modal malah pihaknya juga kerugian besar.

“Berikutan sekatan rentas daerah dan negeri yang dikuatkuasakan sebelum ini, kami tidak dapat memasarkannya.

“Walaupun kini ada longgaran rentas daerah, kami anggap ia umpama nasi sudah menjadi bubur kerana patin ditenak sudah melebihi usia matang dan tidak laku di pasaran,” katanya.

Menurut Khairul Anuar, dia dan Mohhtar mengeluarkan modal sendiri untuk membiayai pembinaan 70 sangkar patin di Sungai Jelai.

Patin tua tak laku

Penternak rugi ikan gagal dipasarkan sejak awal tahun



Khairul Anuar (kiri) menunjukkan ikan patin terlebih matang kerana tidak pasaran. - Gambar NSTP ROSELAN AB MALEK



Patin yang ada seberat lebih dua kilogram (kg) sedangkan pasaran hanya mahukan patin yang seberat satu hingga 1.5kg saja. Ia menambah kesukaran untuk kami pasarkannya”

Khairul Anuar

Katanya, sejak 2000, pihaknya sudah memelihara kira-kira 80,000 patin.

“Kami tidak sangka, ancaman pandemik Covid-19 pada awal 2020 menyebabkan pengusaha seperti kami dan yang lain ‘terduduk’.

“Sebelum PKP, kami mampu memasarkan kira-kira dua tan patin pada setiap minggu untuk pengusaha restoran di Kuala Lipis, Jerantut selain pemborong dari Lembah Klang.

“Sejak PKP Mei lalu pula, kami hanya dapat memasarkan kira-kira 200 kilogram (kg) patin seminggu kepada penduduk kawasan kampung berdekatan, ia tidak balik modal,” katanya.

Ketika ini, menurutnya, pihaknya menggunakan wang simpanan untuk membeli 60 hingga 70 beg makanan ikan sehari.

“Selepas memasuki longgaran berniaga Fasa 2, kami hanya membuka gerai di tepi jalan raya Jerantut-Lipis berdekatan Kampung Ganding, untuk menjual patin secara runcit.

“Walaupun memperoleh hasil yang kurang namun kami tetap bersyukur kerana ia cukup untuk kami membeli barangan keperluan harian,” katanya.

50,000 ikan patin tiada pembeli

Lipis: Lebih 50,000 ikan patin yang ditenak di Sungai Jelai, di sini, mungkin 'berkubur' dalam sungai berkenaan berikutan tidak dapat dijual susulan pandemik COVID-19.

Khairul Anuar Ahmad Mahir, yang mengusahakan ternakan itu berkata, pihaknya menanggung kerugian yang besar apabila ikan patin sangkar itu tidak dapat dipasarkan sejak awal tahun.

Beliau berkata, sekatan rentas daerah dan negeri yang dilaksanakan menyebabkan aktiviti pasaran ikaannya terbanjut.

"Walaupun negeri ini kini sudah memasuki Fasa 2 dan ada kelonggaran rentas daerah, 'nasi sudah menjadi bubur' kerana ikan yang ditenak ini melebihi usia matang dan tidak laku di pasaran.

"Kita sudah mencongak sebanyak 50,000 ikan patin sepatunya memasuki pasaran pada Mei lalu, tetapi semuanya terbantut berikutan sekatan rentas daerah serta negeri," katanya.

Khairul Anuar berkata, beliau dan saudaranya, Mohktar Mohamad, 55, mengeluarkan modal sendiri untuk membiayai pembinaan 70 sangkar di

Sungai Jelai, Kampung Gading, bagi perusahaan ternakan ikan sangkar sejak 2000 dan menenak kira-kira 80,000 ikan patin.

"Saya tidak menyangka ancaman COVID-19 pada awal 2020 dan sekatan rentas beransur-ansur 'menggelapkan' kehidupan kami dan pengusaha lain.

"Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dahulu, kita mampu memasarkan anggaran dua tan ikan patin seminggu untuk pengusaha restoran di bandar Kuala Lipis, Jerantut dan pemborong dari Lembah Kelang dengan harga RM17 sekilogram.

"Sejak PKP Mei lalu, ternakan ini cuma dapat dipasarkan sekitar 200 kilogram setiap minggu untuk kawasan kampung berdekatan dan langsung tidak balik modal.

"Malah, duit simpanan juga hampir kehabisan, membeli makanan ikan antara 60 beg hingga 70 beg sehari.

"Ikan ini pula sudah melebihi usia matang dengan berat lebih dua kilogram. Ia tidak memenuhi permintaan pasaran yang mahu ikan seberat satu hingga 1.5 kilogram sahaja," katanya.



Khairul Anuar (kiri) menunjukkan patin sangkar yang ditenak di Sungai Jelai terlebih matang kerana gagal dipasarkan. (Foto Roselan Ab Malek/BH)

Kulim mahu terajui agribisnes


PETALING JAYA: Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) melancarkan pelan transformasi lima tahun untuk menjadi peneraju dalam bidang agribisnes menjelang 2025.

Sebagai sebahagian daripada rancangannya, Kulim menyasarkan untuk memperkukuh perniagaan terasnya, mewujudkan pertumbuhan baharu, meningkatkan kecemerlangan operasi di seluruh Kumpulan dan membuat persediaan untuk tawaran awam awal (IPO) pada 2024.

Menurut Pengarah Urusan Kulim, Mohd. Faris Adli Shukery, antara tugas utamanya di Kulim sejak menyandang jawatan tersebut pada Oktober tahun lalu, adalah untuk menyelaras haluan strategik syarikat itu.

Beliau berkata, pengemasan struktur perniagaan merangkumi pelupusan perniagaan dan aset bukan teras, syarikat dormant atau tidak aktif dan penambahbaikan kepada struktur organisasi yang dijangka selesai hujung tahun ini.

"Tujuan saya adalah untuk memperkukuh kedudukan Kulim sebagai peneraju agribisnes, mewujudkan legasi yang mampan dan organisasi menguntungkan yang dibina berdasarkan kepercayaan dan asas



KULIM mahu memperkukuh perniagaan terasnya dalam usaha mencapai matlamat untuk menjadi peneraju bidang agribisnes dalam tempoh lima tahun. - GAMBAR HIASAN

yang tepat untuk generasi akan datang," katanya dalam kenyataan sempena ulang tahun ke-88 syarikat itu.

Beliau turut merasmikan logo dan video korporat baharu Kulim sebagai sebahagian daripada penjenamaan semula untuk menggambarakan syarikat

yang lebih kukuh.

Mohd. Faris berkata, di samping mengembangkan perniagaan huluan, tanaman bertumbuh tinggi dan kawasan pertanian baharu khususnya pertanian pintar atau bersepadu dan pengurusan ternakan, Kulim juga meneroka perniagaan huliran

yang akan menyumbang kepada margin keseluruhan rantai nilai.

Beliau berkata, walaupun menghadapi cabaran pandemik Covid-19, Kulim berjaya mencatat peningkatan hasil sebanyak 17 peratus daripada RM1.21 bilion pada 2019 kepada RM1.41 bilion tahun lalu.

Pertanian skala besar dimanfaatkan masyarakat

Merdeka membawa konotasi sangat luas. Se-cara ringkas, ia merujuk kebebasan daripada penjiatahan dan ikatan.

Jika hendak dikaitkan dengan konteks negara, dalam usia mencapai 64 tahun kemerdekaan, kita sewajarnya bebas menentukan apa sahaja perancangan, matlamat dan tindakan sama ada dari sudut ekonomi, sosial mahupun politik tanpa terikat kepada sesi-apa.

Namun, untuk mencapai ke tahap ini mempunyai prasyarat tersendiri. Semua pihak perlu berganding bahu mencapai prasyarat ini termasuklah keperluan kepada peduli dan celik sejarah, celik konsep sebenar merdeka serta mempunyai rasa cinta negara.

Penghasilan karya seni sepanjang tahun berunsurkan jihad, cinta watan dan kefahaman bahawa tiada pemisahan antara agama dan siasah, perlu dihasilkan tanpa mengkhususkan pada bulan kemerdekaan sahaja.

Perlu dibuang jauh slogan dan stigma mahasiswa tidak perlu cakna dan terbabit dengan politik, politik itu kotor atau tidak relevan kepada golongan bukan pemimpin.

Meningkatkan kesedaran kepentingan sejarah bukan sekadar mensyaratkan 'lulus' untuk layak mendapat sijil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Guru dan pendidik perlu bersedia menggalas tanggungjawab menyampaikan subjek Sejarah secara kreatif supaya tidak dilihat sekadar retentetan fakta, malah sarat ictibar dan ibrah yang boleh dijadikan panduan untuk menggapai kekuatan dan belajar daripada kesilapan.

Apabila sejarah dihayati, yakinlah anak bangsa

bahawa akan ada jati diri seterusnya bisa memiliki minda yang tidak mudah dijajah.

Walaupun mencapai usia matang dalam kemerdekaan, Malaysia masih bergantung negara dengan lain untuk mendapat sumber bekalan makanan, bekalan berkaitan kesihatan termasuk vaksin dan teknologi. Semua ini menjadikan kita belum bebas, malah masih bergantung negara lain untuk memenuhi keperluan kritikal Malaysia.

Akibatnya, kita sangat tertedah ketidakpastian harga dan bekalan. Tidak mustahil, malah kita dapat jangkakan, dalam masa sukar akibat COVID-19 ini, negara mengeksport berkemungkinan menghadkan eksport mereka kerana mengutamakan keperluan domestik masing-masing.

Ini sekali lagi mengundang masalah bekalan seterusnya harga dijangka mencanak naik.

Kenapa tidak kita bermula secara serius dari sekarang untuk menjadi negara yang tidak lagi bergantung kepada negara lain, terutama untuk memastikan bekalan makanan mencukupi?

Mari kita komersialkan pertanian, menjalankan aktiviti pertanian berskala besar untuk mendapat skala ekonomi sehingga hasil pengeluaran dapat dijual pada harga mampu beli oleh masyarakat.

Dalam keadaan sukar di mana ramai berpendapatan rendah, malah tidak punya pendapatan, kita tertanya-tanya apakah mereka mampu membeli makanan asas? Tidak cukup hanya memas-tikan bekalan mencukupi, Malaysia juga perlukan cerdik pandai atau yang inovatif untuk mencipta makanan daripada sumber asli yang ada. Lamba-hasil pertanian, buah-buahan dan lain-lain sumber pertanian boleh dikurangkan jika kita mempunyai kepakaran mencipta makanan pilihan,

selain dalam bentuk asas (mentah).

Institusi pendidikan sudah sepatutnya menawarkan kursus berkaitan pertanian dan keselamatan makanan. Ini semua bakal menyumbang penggu-naan tanah untuk tujuan pertanian komersial se-cara produktif, menghasilkan alternatif makanan, mengurangkan bergantung kepada negara lain untuk bekalan makanan dan mengurangkan kadar inflasi yang sebahagian besar disumbang harga makanan yang tinggi.

Jika isu bekalan makanan tidak ditangani se-gera, malah masih selesa dengan bergantung ne-gara luar untuk mencukupkan keperluan domestik, kita khuatir taraf hidup rakyat akan semakin me-nurun akibat kos hidup yang semakin tidak mu-nasabah, seterusnya menyumb-

bang kepada pe-ningkatan miskin-tegar dalam kala-angan masyarakat.



Bekas jurutera kini jadi usahawan

KOTA TINGGI -- Seorang lelaki membuktikan tindakannya berhenti kerja sebagai jurutera untuk menjadi petani moden berbaloi apabila mampu memperoleh pendapatan berlipat kali ganda apabila kebun nanas MD2 yang diusahakan memberi untung bersih sehingga RM300,000 semusim.

Roslee Ismail, 50, berkata, segalanya bermula pada 2006 apabila dia cemburu melihat orang luar mengusahakan kebun nanas di kampungnya di Pengerang di sini setiap kali pulang dari perantauan.

Anak jati Kampung Lepau itu berkata, dia kemudian meminta sebanyak 16 hektar dengan pihak pengurusan kampung di Taman Kekal Pengeluaran Makanan untuk diusahakan selepas berhenti kerja.

"Pada mulanya, saya menugupah pekerja untuk mengusahakan kebun nanas itu dan memantainya dari jauh sahaja.

"Selepas tiga tahun, saya ambil keputusan untuk berhenti kerja bagi memberikan tumpuan sepenuhnya kepada kebun itu bersama adik, Rosnah, 38," katanya ketika ditemui.

Tambahnya, mereka boleh menanam 12,000 pokok nanas bagi setiap 0.4 hektar dan mam-



ROSLEE (Kiri) dan Rosnah menurukkan buah nanas yang dihasilkan di kebunnya ketika ditemui di Kampung Lepau, Pengerang semalam.

pu meraih untung bersih hampir RM300,000 untuk 2.8 hektar kebun semusim.

Menurut Roslee, setiap pokok boleh menghasilkan enam anak pokok lagi dan mengeluarkan 2,000 biji nanas seminggu.

"Saya dibantu Pertubuhan Pengerang yang

memasarkan nanas kepada pemborong dan kami juga mengeluarkan produk hiran seperti jus dan jeli.

"Saya tidak kisah berpanas dan berhujan asalkan lebih selalunya dan suka bekerja sendiri selain dapat meluangkan masa untuk bersama keluarga," katanya.



ROSLEE Ismail (kanan) dan adiknya, Rosnah menunjukan nanas yang dituai dan jus buah di TKPM Kampung Lepau, Pengerang di Kota Tinggi, Johor. - UTUSAN/MASTURAH SURADI

Dahulu jurutera, kini usaha kebun nanas

Oleh MASTURAH SURADI
utusannews@mediamula.com.my

KOTA TINGGI: Sudah puas bekerja makan gaji, bekas jurutera kimpalan di Kampung Lepau, Pengerang di sini tidak kisah menukar kerjayanya meskipun terpaksa berpanas terik di kebun nanas seluas 40 ekar yang diusahakan.

Roslee Ismail, 50, berkata, idea untuk menanam nanas bermula pada tahun 2006 apabila melihat orang luar mengusahakan tanah di kampungnya sendiri untuk menanam tanaman berkenaan.

Kata bapa kepada lima orang anak itu, dia bermula dengan tanah seluas lapan hektar sebelum mengusahakan tambahan lapan hektar lagi tanah selepas berhenti kerja.

"Sebelum ini saya bekerja sebagai jurutera di sebuah syarikat swasta di Selangor. Apabila merantau dan pulang ke kampung, saya dapati orang luar yang ambil bahagian berkebun di kampung sendiri. Jadi saya minta dengan pihak pengurusan kampung dan diberi 8 hektar tanah untuk diusahakan.

"Ketika itu, saya belum berhenti kerja tetapi mengupah pekerja untuk usahakan ke-

bun nanas. Masa itu, saya lihat walaupun agak perlahan tetapi ada pulangan meskipun saya pantau dari jauh sahaja," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Roslee berkata, pada 2009 dia kemudian mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan pulang ke kampung bagi memberi tumpuan 100 peratus ke atas kebun nanasnya.

"Saya sudah puas bekerja makan gaji, puas jaga orang. Bila usahakan kebun nanas ini saya rasa lebih serasi dan suka bekerja sendiri. Masa bersama keluarga juga saya boleh atur sendiri di samping tekanan kerja agak kurang selain tidak perlu *punch card*," katanya.

Jelasnya, kini kebun yang diusahakan bersama adik bongsu Rosnah, 38, yang merupakan pemegang diploma dalam bidang perniagaan berjaya menghasilkan 12,000 pokok nanas bagi setiap satu ekar dan mampu meraih keuntungan bersih hampir RM300,000 untuk semusim.

"Pulangan nanas amat baik kerana benih untuk nanas premium MD2 juga mendapat permintaan agak tinggi dan setiap satu pokok boleh menghasilkan empat ke enam anak pokok.

Lambakan cempedak di Teluk Intan

TELUK INTAN: Selepas durian, berlaku pula lambakan buah cempedak di daerah ini yang menjiskan kira-kira 60 pekebun terutama di Kampung Selabak di sini.

Peraih buah-buahan, Zulkifli Akhmar, 57, berkata, lambakan buah itu menghampakan pekebun yang mengharapkan jualan yang baik pada musim kali ini.

Menurutnya, mereka yang mengalami masalah itu terdiri daripada pekebun di Kampung Selabak Luar dan Kampung Selabak Dalam.

Katanya, berikutan lambakan, harga borong buah itu jatuh daripada RM3 sekilogram sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada hanya RM1.60 sekilogram ketika ini.

"Lambakan buah berlaku kerana peraih dari luar tidak dapat datang untuk membeli hasil daripada pekebun di sini.

"Biasanya, peraih datang dari luar seperti Kuala Lumpur, Selangor dan juga dari utara. Disebabkan PKP, mereka tidak boleh merentas negeri," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Katanya, ada pekebun yang menjadikan tanaman itu sebagai mata pencarian, namun, hampa



ZULKIFLI Akhmar menunjukkan lambakan buah cempedak yang dibeli dari penduduk kampung ketika ditemui di Kampung Selabak, Teluk Intan. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

dengan apa yang berlaku.

"Pekebun rasa tidak berbaloi dengan harga yang dijual dan merugikan setelah mereka menanggung pelbagai kos membaja, upah dan pengangkutan," katanya.

Menurutnya, kerana mahu membantu pekebun, dia tetap membeli hasil tanaman mereka untuk mengelak buah busuk dan terbiar begitu saja.

Katanya, pekebun juga sudah tidak mahu berkira berapa harga belian asalkan hasil tanaman mereka boleh dijual.

"Pekebun setuju dengan harga yang saya tawarkan, bagi mereka yang penting asalkan hasil tanaman mereka dapat dijual.

"Hampir 500 kilogram buah yang rosak terpaksa dibuang begitu saja sebab tidak dapat dijual," katanya.

Oleh **INTAN SUHANA
CHE OMAR**
intansuhana@mediamula.com.my

PROJEK Pertanian Lestari, KC Agro, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang bermatlamat memartabatkan bidang pertanian dan penternakan, dalam kalangan warganya, menampilkan hasilnya. Ia apabila ladang ternakan ikan talapia berjaya dibuka di kolej kediaman institusi berkenaan.

Bermula dengan hanya sebuah tangki terpakai sebagai ruang pembiakan, kini tiga tangki tambahan disediakan untuk memuatkan ikan yang kian membesar.

Pengetua Kolej Canselor, Prof. Madya Dr. Aminul Amir Abdullah berkata, bagi memastikan projek berkenaan lancar, jadual kerja harian pelajar disediakan.

Malah catatan penting akan diambil untuk rujukan mereka bagi memastikan semua perkara berjalan lancar.

"Pelajar berpeluang menjalani proses pembelajaran latihan in-house yang memberi pendedahan mengenai ilmu penternakan ikan daripada peringkat awal termasuk penyediaan kolam, penjagaan kualiti air dan pemilihan benih ikan.

"Malah proses pemakanan, penukaran air, pengelasan saiz ikan, perakunan serta menuai hasil dengan memasarkan ikan turut didedahkan," katanya.

Program yang dijalankan oleh Ahli Majlis Perwakilan Kolej, barisan felo, staf pengurusan serta pelajar itu bertujuan menerapkan nilai

Kolej kediaman jadi lokasi ternak talapia



HASIL pertama ikan talapia mencapai jumlah 50kg.

tambah, kemahiran serta pengetahuan kepada pelajar, khususnya dalam akuakultur, kaedah penanaman fertigasi serta hidroponik.

Semua peserta dipantau pihak pengurusan kolej bagi memastikan projek ini direalisasikan mengikut perancangan.

Projek bermula Januari 2021 itu, baru-baru ini merekodkan hasil tangkapan berjumlah 50 kilogram (kg).

ILMU BERMANFAAT
Salah seorang pelajar yang terlibat dalam projek itu, Nor Idayu Suboh berkata, pengalaman sepanjang

mengendalikan projek ini memberikan ilmu pengetahuan yang amat bermakna kepada dirinya.

Katanya, proses pembelajaran diterima adalah 100 peratus berbeza daripada program pengajian formal yang diikuti di UPM.

"Ia memberi ilmu

di luar jangkaan saya sebelum menjejakkan kaki di universiti. Ilmu yang diperolehi sepanjang proses penternakan ikan dan pertanian lain amat berguna.

"Melalui penternakan ikan tilapia merah ini, semua warga Kolej Canselor umumnya dan pelajar yang terlibat khususnya dapat menimba ilmu dan pengetahuan dalam bidang akuakultur.

"Selain itu ia dapat memupuk rasa tanggungjawab, disiplin diri dan juga kerjasama berpasukan dalam menayakan projek ini," katanya.

Beliau juga yakin ilmu berkenaan mampu memberi nilai tambah kepada kerjayanya kelak selain dapat dimanfaatkan untuk anggota masyarakat.

TENTANG KC AGRO:

● Projek Pertanian Lestari yang diwujudkan oleh Kolej Canselor, UPM melibatkan warga kolej yang terdiri daripada Ahli Majlis Perwakilan Kolej, barisan felo, staf pengurusan dan juga pelajar Kolej Canselor.

● Merupakan projek inisiatif warga Kolej Canselor dalam usaha memartabatkan bidang pertanian dan penternakan selain mendokong usaha universiti melestarikan kampus hijau.

● Bertujuan memberi pendedahan dan ilmu pertanian serta penternakan kepada pelajar Kolej Canselor serta menerapkan sesuatu yang berbeza selain apa yang diperolehi dalam bilik kuliah.



PEMBERSIHAN tangki ikan secara berkala dilaksanakan pelajar manakala pemantauan dilakukan oleh staf dan felo kolej bagi memastikan kualiti air sentiasa terjaga.



JERRY Westy Senaja yang juga Ahli Majlis Perwakilan Pelajar bertugas memberi ikan makan mengikut penggiliran.

Pengusaha minta JPJ tetapkan garis panduan

Mesin padi 'mohon' guna jalan raya

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
utusannews@mediamula.com.my

ARAU: Setiap kali musim menuai, pengusaha mesin padi di negeri ini berdepan dilema dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa kerana menggunakan jalan raya sebagai lahan untuk ke sawah padi.

Kelibat jentuai di atas jalan juga sering kali menimbulkan isu seperti 'tahi mesin padi' iaitu ketulan tanah di atas jalan yang sekali gus boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.

Pengusaha mesin padi terpaksa berdepan tindakan dari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) termasuk saman kerana menggunakan jalan raya dan tidak mempunyai lesen walaupun tiada lesen membawa jentera mesin padi dikeluarkan.

Justeru, rata-rata pengusaha dan pesawah sangat berharap agar JPJ dapat menetapkan garis panduan yang sesuai berhubung masalah tersebut sekali gus memberi manfaat kepada semua pihak terlibat.

Seorang pengusaha jentera mesin padi, Muhamad Taufiq Othman, 35, berkata, pihaknya memohon agar JPJ dapat mengeluarkan garis panduan kepada pengusaha dan mereka juga sanggup mengambil lesen memandu jentera terse-

but jika dikeluarkan serta membayar cukai jalan.

Katanya, perbincangan antara pihak JPJ, Lembaga Kemaajuan Pertanian Muda (Mada) dan pengusaha mesin padi pernah dibuat pada musim menuai lalu, namun masalah sama tetap berulang pada musim ini.

"Negara sudah 64 tahun merdeka tetapi masih tiada sebarang garis panduan mengenai isu mesin padi ini. Kalau mahu kami ambil lesen dan bayar cukai jalan, kami sanggup buat. Kalau mahu kami cuci 'tahi mesin padi' pun kami sudah cuci.

"Kalau tidak mahu kami guna jalan raya, jalan alternatif perlu disediakan dengan betul. Kalau ikut jalan ladang iaitu batas di tepi bendang memang tidak muat kerana ukuran jalan adalah enam hingga tujuh 'kaki' sahaja, sedangkan untuk lahan mesin padi perlu keluasan sehingga '15 kaki'," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Sungai Padang, Simpang Empat di sini semalam.

Seorang lagi pengusaha mesin padi, Mohd. Ismadi Mohd. Bon, 35, berkata, dia baharu sahaja diberi amaran oleh pihak JPJ pada Sabtu lalu kerana mengendalikan mesin padi menggunakan jalan raya untuk menuai di sawah di Sungai Baru di sini.

"Mereka (JPJ) memberitahu jika mahu membawa mesin

padi ke satu-satu tempat maka perlu dibawa menggunakan trak pengangkut (*loader*). Untuk sewa pengangkut adalah RM300 satu perjalanan, sedangkan upah kami untuk menuai padi bagi 0.28 hektar adalah sekitar RM130 sahaja.

"Takkan kami nak minta naikkan upah kami daripada pesawah pula. Mereka juga berhadapan masalah seperti penyakit padi dan sebagainya sehingga terpaksa menanggung kerugian. Jadi apa yang kami minta adalah garis panduan dan apa yang kami boleh lakukan agar sektor pertanian ini tidak terjejas," ujarinya.

Dalam pada itu, pesawah, Marzuki Shafie, 61, merayu agar pihak berkuasa dapat memudahkan proses pengendalian mesin padi supaya aktiviti menuai dapat berjalan dengan lancar.

"Padi ini, kalau lambat tuai seminggu pun, padi sudah ranum. Tambahan pula kini musim hujan jadi pokok padi akan jatuh dan menjejaskan hasil tuaian.

"Bila JPJ buat operasi, pemandu mesin padi pula tak mahu turun ke bendang, jadi kami petani pula yang rugi kerana separuh padi akan terendam. Kami boleh rugi antara 20 hingga 50 peratus jika padi lambat dituai. Oleh itu, kami minta satu jalan penyelesaian terbaik dapat dibuat," jelasnya.



PARA pengusaha mesin padi dan pesawah melihat sawah yang baru dituai di Kampung Sungai Padang, Simpang Empat, Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

Pinjam duit ibu buka bisnes avocado

Oleh ROHANA MOHD. NAWI
utusannews@mediamula.com.my

KOTA BHARU: Bermodalkan RM10,000 dipinjam dari ibu mereka, dua beradik membina tapak semaian benih avocado di Taman Sri Cemerlang di sini sebelum menjual anak pokoknya beberapa bulan lalu.

Percaturan Hashidah Hashim, 56, dan adiknya, Hafiz, 40, 'menjadi' apabila permia-gaan itu mendapat sambutan menggalakkan berikutan tidak ramai yang membekalkan anak pokok tersebut ketika ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Hashidah berkata, sebelum ini, dia bertugas di sebuah bank, namun, telah berhenti kerja ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) manakala adiknya seorang kontraktor.

Katanya, tempoh PKP berpanjangan dengan pandemik masih berlarutan menyebabkan hidup mereka semakin terhimpit, lalu berpakat untuk membuka perniagaan sendiri bagi menyara keluarga masing-masing.

"Kami membeli 10,000 benih avocado dari Indonesia pada Mac lalu dengan harga RM10,000 sebelum menyemainya dalam polibeg.

"Saya lega apabila benihnya tumbuh subur menjadi anak pokok dan selepas usaha kami tular dalam media sosial, ramai mula membuat tempahan termasuk dari Pulau Pinang, Johor dan Kedah," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Hafiz pula berkata, anak pokok avocado dijual di tapak semaian mereka merupakan jenis 'Mickey' dan 'Alligator'.



PASANGAN adik beradik, Hashidah Hashim dan Hafiz menunjukkan anak pokok avocado hasil semalam mereka yang sudah boleh dijual. - UTUSAN/ROHANA MOHD. NAWI

100,000 papan petai viral habis dijual dalam sehari

BALING: Peluang yang baik ketika waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) membolehkan sepasang suami isteri menjual petai sehingga 100,000 papan sehari.

Anisah Ismail, 36, berkata, dia dan suaminya Rahimi Md. Ramli, 39, mulai giat menjual petai viral ini sejak empat tahun lalu apabila mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelanggannya.

"Ini merupakan tahun ke empat kami menjual petai viral kerana permintaan daripada pelanggan tempatan dan pe-raih luar dari sehari ke sehari kian bertambah."

"Berbeza sebelum PKP, kami hanya mengeluarkan kurang daripada 300 ikat petai, tetapi ketika PKP ini kami boleh bawa keluar sehingga 1,000 ikat sehari yang setiap ikatnya mempunyai 100 papan petai," kata Anisah ketika ditemui di kedai petai viralnya di Hadapan Taman Kota Jaya, Batu 42, semalam.

Menurutnya, peluang bagi mereka untuk membawa keluar petai yang banyak berikutan pembekal pembekal lain terutamanya dari luar tidak dapat memasuki sempadan Betong, Thailand berikutan kawalan yang ketat.

Tambahan pula, mereka



ANISAH Ismail menunjukkan petai-petai Baling viral yang dijualnya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

mempunyai pelanggan dan pembekal buah-buahan yang tetap yang sering mendapatkan bekalan niaga daripada mereka.

"Harga petai viral ini dijual dan ditolak mengikut grednya dari semurah RM45 hingga RM160 satu ikat yang diikat antara 90 hingga 100 papan."

"Pembekal yang datang sendiri mengambil petai ini datangnya dari seluruh Semenanjung dan ada juga pembekal yang menghantar petai ini ke Sabah melalui wakil jualan" kata Anisah.

Katanya, minatnya berniaga timbul sejak awal perkahwinannya kerana mengikut suami menjual buah-buah seperti durian, mangga, mata kucing dan sebagainya lagi yang juga diambil dari Betong.

Pada awalnya, mereka cuba bawa masuk petai sedikit demi sedikit, kemudian, nampak peluang lebih besar dan baik, jadi bawanya masuk lebih banyak.

"Pelanggan memang mahukan petai-petai dari Betong ini kerana isinya lebih besar dan cantik dan tiada ulat."